

02 APR 2003

Ongkili-Pelantikan/I

ONGKILI GEMBIRA DILANTIK PENASIHAT SAINS KETUA MENTERI

KOTA KINABALU, 2 April (Bernama) -- Timbalan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Dr Maximus Ongkili hari ini mengucapkan terima kasih kepada Datuk Musa Aman kerana melantik beliau sebagai penasihat Sains dan Teknologi kepada Ketua Menteri.

"Bagi pihak PBS, saya mengalu-alukan peluang untuk memberi sumbangan kepada negeri ini dalam bidang sains dan teknologi," kata Ongkili di Kota Marudu yang dihubungi Bernama hari ini.

Pelantikan Ongkili diumumkan oleh Musa selepas mempengerusikan mesyuarat kabinet negeri hari ini.

Ongkili berkata sebenarnya PBS mempunyai ramai anggota yang berkebolehan dalam pelbagai bidang dan "kami berterima apabila Ketua Menteri mengiktiraf kemampuan kami untuk memberi input dalam bidang ini."

Ongkili, satu-satunya anak Sabah yang menganggotai Majlis IT Kebangsaan yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berjanji kepada Ketua Menteri untuk memberi komitmen penuh kepada tugas yang diamanahkan kepadanya.

"Sains dan teknologi merupakan bidang yang dinamik dan dekat di hati saya sebagai saintis dan ahli ekonomi pertanian. Saya akan berusaha sedaya upaya untuk menunaikan tanggungjawab serta tugas yang diharapkan melalui pelantikan itu," kata Ongkili yang memiliki ijazah sarjana muda sains pertanian dan ijazah doktor falsafah dalam bidang ekonomi pertanian dari La Trobe University, Melbourne, Australia.

Ongkili menyiapkan thesisnya mengenai ekonomi pemindahan teknologi pada 1984.

Sebelum dilantik Pengarah Eksekutif Institut Kajian Pembangunan, sebuah kumpulan pemikir terulung di negeri ini pada 1987, Ongkili bertugas sebagai pensyarah ekonomi di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia.

Beliau juga pernah mengikuti program lepasan ijazah di Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu, Tokyo dan Harvard Institute for International Development, Boston.

Menganggotai Institut Sains Pertanian Australia (AIAS) dan Persatuan Saintis Pertanian Sabah (SASS), Ongkili amat berminat dalam bidang penyelidikan termasuk yang mempunyai kaitan dengan pemindahan teknologi, ekonomi, teknologi maklumat dan komunikasi, alam sekitar dan biologi serta program membasmi kemiskinan.

-- BERNAMA

JS SP RON